

NIAT

itu seperti **SURAT**.
Salah tulis **ALAMAT**
akan sampai salah
TEMPAT.

Let your
past make
you better,
not bitter.

MUHAJIR UMMU QAIS

Umum dikenali seorang wanita Makkah bernama Ummu Qais yang cantik dan diidamkan oleh seorang pemuda. Pemuda itu pernah melamarnya tetapi telah ditolak.

Tatkala Rasulullah SAW mendapat perintah untuk berhijrah, Ummu Qais juga telah menyertai penghijrahan itu ke Madinah.

Mengetahui hal ini, pemuda itu juga turut berhijrah dengan pengharapan akan diterima kembali oleh Ummu Qais. Sungguh niat hijrah pemuda itu bukan kerana memenuhi perintah Allah dan Rasul-Nya tetapi kerana Ummu Qais dan kerana itulah dia digelar **Muhajir Ummu Qais**.

Imam Nawawi telah berkata: "Ia tidak menghendaki dengan hijrahnya itu, keutamaan berhijrah. Ia hanya berhijrah supaya boleh bernikah dengan seorang wanita bernama Ummu Qais sehingga digelar dengan Muhajir Ummu Qais (orang yang berhijrah demi Ummu Qais)."

Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari 'Umar *r.h.*, bawha Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung kepada niatnya, dan seseorang akan mendapat apa yang diniatkannya. Siapa yang hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya kerana dunia atau wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya itu sesuai ke mana ia hijrah." (**Riwayat Bukhari & Muslim**)

Dalam kitab Hadis Arba'in, hadis ini terletak pada urutan pertama. Mengapa?

Imam Syafi'i berkata, "Hadis ini mencakupi sepertiga ilmu." Kerana perbuatan manusia terkait dengan 3 hal: hati, lisan, dan anggota badan. Sedangkan niat letaknya di hati, maka ia disebut sepertiga ilmu.

Demikian pula Imam

Bukhari *rahimahullah*, telah meletakkan hadis ini sebagai mukaddimah di dalam kitabnya Sahih Bukhari kerana makna tersirat hadis ini ialah setiap amal yang tidak diniatkan kerana Allah adalah sia-sia.

Ibarat sebuah perjalanan, niat menjadi alamatnya dan akan menjadi penentu di mana kita akan tiba.

Apabila seseorang berjihad kerana Allah kemudian ia mati, maka ia syahid dan dimasukkan ke surga. Tetapi bila jihadnya kerana ingin dikenang atau dianggap hebat, maka ia hanya mendapatkan seperti yang ia niatkan.

Begitu juga jika kita aktif mengaji atau berdakwah. Apabila niatnya agar boleh bertemu dengan "si dia", maka ketika dia tiada, kita menjadi

***Ikhlasikan
niat kerana
ALLAH...***

UBAH PERSEPSI NEGATIF ISLAM

GLOBAL



Petaling Jaya, 6 OKTOBER 2016: menghadapi puak penganas dengan Pemimpin Muslim boleh mengubah persepsi negatif mengenai Islam yang sering dikaitkan dengan keganasan menggunakan pentadbiran yang adil dan telus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, sistem tadbir urus yang baik akan mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat sekaligus membuka lebih banyak peluang untuk mengatasi kejahatan.

Katanya, antara cabaran utama dihadapi pemimpin Islam adalah berhadapan puak ekstremis yang menyalahgunakan nama Islam.

"Inilah tugas kita bukan saja untuk menangkis stereotaip ini, malah untuk

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi



telah dipaksa mengubah haluan ke Pelabuhan Ashdod. Selain itu, hubungan komunikasi dengan Zaytouna-Olivia gagal dipercayai tentera Zionis telah memutuskan isyarat dari bot berkenaan sejurus selepas diambil alih.

Menurut laporan dan gambar yang tersebar di media sosial, wanita dan kanak-kanak Palestin telah berkumpul di Pelabuhan Gaza bagi menyambut keti-



KAPAL ZAYTOUNA-OLIVA WOMEN'S BOAT TO GAZA SAH DITAWAN TENTERA ZIONIS

GAZA, 6 Oktober 2016 - Pihak Zionis hari ini telah mengesahkan bahawa mereka telah memintas dan menunda kapal Zaytouna-Olivia Women's Boat to Gaza yang telah dijadualkan tiba di Pelabuhan Gaza awal malam tadi. Tindakan ini dilakukan atas dakwaan mereka mahu mencerooboh masuk ke Semenanjung Gaza.

Kapal yang membawa seramai 13 orang sukarelawan wanita dari pelbagai negara, termasuk seorang warga Malaysia tersebut dilaporkan tidak melawan semasa tentera Zionis mengambil alih kapal itu tepat jam 8.58 malam tadi waktu Malaysia.

Dilaporkan bahawa kapal tersebut

Faraidh dari segi **Bahasa**: "Bahagian atau kadar"

Dari segi **Syara'**: "Bahagian yang ditentukan dari harta benda yang akan dipusakakan"

Pengarang kitab Al-Fiqh Manhaji Mazhab Syafii' dalam mukadimah kitabnya pada bab Ilmu Faraidh menerangkan dengan lebih jelas dengan memberikan maksud ilmu faraidh seperti berikut:

Ilmu bermaksud mengetahui keadaan sebenar sesuatu perkara. **Faraidh** pula ialah kata jama' bagi kalimah faridhah yang bermaksud sesuatu yang diwajibkan atau sesuatu yang ditetapkan kerana dalam faraidh terdapat pembahagian – pembahagian yang ditetapkan oleh syara'.

Maksud Ilmu Faraidh boleh disimpulkan iaitu:

"Himpunan kaedah—kaedah dan hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT dan telah diterangkan kepada kita hukum dan pelaksanaannya oleh Rasulullah SAW untuk mengetahui siapakah yang berhak memiliki harta—harta peninggalan si mati dan kadar yang akan diperolehi oleh mereka".

Q & A



FOKUS

FARAI DH

Apakah yang dimaksud dengan Ilmu Faraidh?

